



## YAYASAN PENCEGAHAN JENAYAH MALAYSIA (MCPF)

### TIPS MENANGANI JENAYAH

Berhati-hati ketika memuat turun perisian telefon pintar atau komputer daripada sumber yang tidak di ketahui.

Data peribadi anda mungkin akan dicuri, sekiranya anda tidak peka dalam memberi maklumat peribadi anda.

**HATI-HATI**



Elakkan meninggalkan barang berharga seperti komputer riba (laptop) di dalam kenderaan.

Hal ini kerana kecurian barang berharga membuka peluang seterusnya untuk penjenayah mencuri kenderaan anda.



**#MCPFpesan  
#janganjadimangsajenayah**



B-3A-13, Blok B Tingkat 4 Unit 13,  
Megan Avenue II, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur, Malaysia

- [www.mcpf.org.my](http://www.mcpf.org.my)
- [support@mcpf.org.my](mailto:support@mcpf.org.my)
- +603-2181 0055 / +603-2181 0555
- Malaysia Crime Prevention Foundation



# **JOM!** **CEGAH JENAYAH**

**TIPS  
CEGAH  
JENAYAH**

**CORAK  
JENAYAH  
GLOBAL &  
MALAYSIA**

**ATIPSOM -  
ANTI  
PEMERDAGANGAN  
ORANG DAN  
PENYELUDUPAN  
MIGRAN**

**AWIE RIDE -  
KEMPEN PENCEGAHAN  
JENAYAH KOMERSIL**



## ISI KANDUNGAN:

Pena Editor.....	2
Tahniah PM ke-10 .....	3
Kata-Kata Aluan Naib Pengerusi Kanan MCPF.....	4
Corak Jenayah Global dan Malaysia .....	5
ATIPSOM – Antipemerdagangan Orang & Antipenyeludupan Migran ....	6

### CEGAH & CELIK JENAYAH

Public Speaking Competition - Crime Awareness and Integrity:	
Towards A Just Society .....	7
Program Remaja Bersatu Memerangi Jenayah .....	7
Lisa and Her Secret .....	7
Kempen Membanteras Jenayah Seksual Dalam Talian Terhadap Kanak-Kanak .....	8
Kempen Cegah Jenayah dan Walkabout Sempena Perayaan Hari Deepavali 2022 .....	8
Program Sokongan Sosial Dalam Komuniti :	
Bengkel Pengendalian Kes Domestik Dalam Komuniti .....	8

### CAKNA KOMUNITI

Kempen Pencegahan Jenayah Komersil (Awie Ride) 2022	
Anjuran Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, PDRM .....	9
Program Komuniti Bebas Jenayah dan Dadah Bersama Menteri Dalam Negeri .....	9
Program Outreach Bersama Masyarakat Daerah Selama, Perak .....	9
MCPF Terengganu Tingkatkan Kesedaran Jenayah Scammer .....	10
Pelancaran Poster Scam di Kompleks Bukit Jambul .....	10

### INFORMASI & INISIATIF

Seminar Pencegahan Jenayah Rasuah Tahun 2022:	
Tingkatkan Integriti, Perangi Rasuah .....	11
Program Kita Demi Negara - Zon Sabah .....	11
Wacana Serantau: Rukun Negara Dan Pancasila .....	11
Round Table Discussion :	
Kajian Indeks Persepsi Keselamatan Malaysia 2022 .....	11
Program Jelajah Kasih Keluarga Malaysia Sempena November Bulan Keluarga Malaysia 2022 .....	12
Program Lawatan Balai Polis Cemerlang MCPF 2022 .....	12

### SESI TEMUBUAL COFFEE TABLE BOOK

Sesi Temubual Bersama YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad .....	13
Sesi Temubual Bersama YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Syed Hamid Syed Jaafar Albar .....	13
Sesi Temubual Bersama YBhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Dr Lee Lam Thye .....	14
Sesi Temubual Bersama YBhg. Datuk Kamarudin Md Ali .....	14
Captain Sufee's Journey at Sea .....	15



Assalamualaikum dan Salam Perpaduan,

Segala puji bagi Allah SWT, akhirnya penerbitan MCPF Gazette Edisi ke-3 Tahun 2022 yang bertemakan **Jom Cegah Jenayah** dapat diterbitkan bagi menyahut seruan kerajaan dalam menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat di bawah kepimpinan Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim. **Jom Cegah Jenayah** merupakan cetusan aspirasi bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai bahayanya ancaman jenayah siber yang tidak mengenal umur, warna kulit mahupun agama.

Justeru, pelbagai program kesedaran **Jom Cegah Jenayah** diadakan dari semasa ke semasa demi memastikan semua pihak mengambil cakna terhadap isu berkaitan keselamatan komuniti. Penerbitan kali ini turut memaparkan pembangunan citra komuniti, aktiviti pencegahan dan kesedaran mengenai jenayah serta pelbagai informasi dan inisiatif menarik turut dikongsikan untuk tatapan pembaca. Istimewanya kali ini, dibawakan juga coretan temubual bersama beberapa tokoh kenamaan yang telah banyak berjasa kepada negara. Turut dikongsi adalah tips pencegahan jenayah mengenai bahayanya ancaman jenayah siber agar langkah berjaga-jaga dapat diambil bagi mengelakkan diri daripada menjadi mangsa jenayah pada masa akan datang.

Jom Cegah Jenayah!

### SIDANG REDAKSI

Ketua Sidang Redaksi:

**Dr. Isdawati Ismail**

Ketua Editor:

**Tengku Nuriah Tengku Abdul Rahman**

Penolong Ketua Editor:

**Puan Azalinda Mat Saad**

Ahli Jawatankuasa:

**Ir. Dr. Mahdi Ezwan Mahmoud**

**Encik Norazlan Haji Idris**

**Cik Nur Ain Abdul Manaf**

**Encik Mohd Sahrul Zainal Abidin**



# Tahniah

**YAB DATUK SERI ANWAR IBRAHIM**

ATAS PELANTIKAN SEBAGAI

*Perdana  
Menteri*

**MALAYSIA YANG KE-10**



IKHLAS DARIPADA



**YAYASAN PENCEGAHAN JENAYAH MALAYSIA  
(MCPF)**



# KATA ALUAN NAIB Pengerusi KANAN MCPF

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T., sebaik sahaja sekatan daripada ancaman pandemik Covid-19 ditamatkan, MCPF di setiap peringkat dapat bergerak sepenuhnya dengan agresif dalam melaksanakan program-program pencegahan jenayah secara bersemuka bersama semua sektor komuniti di seluruh negara.

Sesi libat urus bersama jabatan, agensi, institusi dan 'civil society' juga dipergiatkan bagi mengenalpasti kesan kejadian jenayah yang berpunca dari peningkatan kos sara hidup, kehilangan pekerjaan serta sumber pendapatan, kesan inflasi akibat daripada kekurangan bekalan makanan dan pelbagai faktor lagi akibat kesan penularan Covid-19.

Kes jenayah penipuan dalam talian atau 'scam' meningkat secara mendadak. Pelbagai lapisan masyarakat menjadi mangsa jenayah ini dan jumlah kerugian yang dialami mencecah sehingga ribuan juta ringgit dalam tempoh 3 tahun kebelakangan ini. 'Scammers' bukan sahaja bergerak secara bersendirian, malahan ada di antaranya mempunyai sindiket yang menjalankan penipuan secara terancang dengan menawarkan pelbagai pulangan yang sukar ditolak melalui skim pelaburan, perniagaan, pekerjaan, dana, barangan serta pelbagai lagi tipu daya. Kajian bersama antara MCPF, Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) sedang dijalankan bagi mengenalpasti punca sebenar mangsa terjerumus dalam penipuan ini, dengan jumlah kes dan mangsa terus meningkat saban hari waima pelbagai usaha serta kempen dilaksanakan bagi memberi peringatan serta kesedaran kepada orang awam berhubung jenayah ini.

Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) serta institusi-institusi kewangan juga disaran untuk mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan bagi menangani kes-kes penipuan dalam talian ini. MCPF pula mempelbagaikan pendekatan dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran orang awam dengan menggerakkan bersama semua sektor komuniti dalam usaha memerangi jenayah 'scam' ini.

Selain itu, jenayah yang melibatkan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak juga dilihat sedang meningkat. Jenayah narkotik juga terus menjadi musuh utama negara. Siri 'town hall' turun padang secara bersasar dan dekat dengan rakyat diatur bukan sahaja untuk mencegah jenayah, malah juga untuk memupuk perpaduan di kalangan pelbagai golongan komuniti dan lapisan masyarakat yang menjadi asas kepada keharmonian negara.

Program Pembangunan Negara (Nation Building) di kalangan generasi muda khususnya di kalangan mahasiswa, para pelajar di sekolah menengah dan persatuan-persatuan belia perlu diterapkan dengan pendekatan yang lebih menarik dan berkesan. MCPF telah memulakan gerakan menyantuni komuniti dalam kampus sebagai langkah awal ke arah memupuk kesedaran generasi baru dengan semangat patriotisme dan cintakan negara. Prinsip Rukun Negara perlu menjadi asas kepada perpaduan negara.

Di bawah pemerintahan Kerajaan Perpaduan, saya yakin dan percaya perpaduan serta keharmonian hidup bermasyarakat akan menjadi antara agenda utama demi membangunkan negara yang harmoni dan makmur. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) serta Jabatan Belia akan disantuni dalam usaha untuk memupuk semangat perpaduan dan cintakan keamanan melalui program-program yang bersesuaian dengan generasi muda.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Jawatankuasa Penyelidikan dan Penerbitan serta Sidang Redaksi ketiga-tiga buletin MCPF di atas usaha dalam menerbitkan buletin MCPF pada tahun ini. Sekalung penghargaan juga kepada semua Jawatankuasa Tetap dan Jawatankuasa Perhubungan Negeri yang telah berjaya merangka dan menjalankan pelbagai program pencegahan jenayah sepanjang tahun 2022.

Terima kasih.

**Dato' Sri Ayub Yaakob**

Naib Pengerusi Kanan MCPF



*Dato' Sri Ayub Yaakob*



# CORAK JENAYAH GLOBAL DAN MALAYSIA

**P**erkataan 'evolusi', sungguhpun seringkali dikaitkan dengan teori Darwin, mempunyai kegunaan yang lebih meluas. Evolusi boleh ditakrifkan sebagai proses yang berakhir dengan penambahbaikan, dan di dalam konteks ini, kita boleh mengatakan bahawa kehidupan, sistem dan pandangan kita sentiasa mengalami proses evolusi.

Elemen-elemen negatif tertentu seperti jenayah juga berevolusi secara berterusan di dalam usaha mereka untuk memperkembangkan aktiviti mereka dan mengelak dari dikesan atau ditangkap pihak berkuasa. Pihak berkuasa di seluruh dunia telah mula menggunakan teknologi sebagai salah satu inisiatif untuk mengesan dan membanteras aktiviti jenayah. Pendekatan ini pada awalnya amat berkesan dalam mengurangkan aktiviti jenayah dunia. Namun, penjenayah-penjenayah yang terkesan mengambil langkah yang sama dengan menggunakan kemajuan teknologi untuk menangkis dan mengelak daripada pihak berkuasa. Antara contoh penggunaan teknologi dalam jenayah ialah web gelap, penggunaan dron untuk aktiviti penyeludupan, penggunaan mata wang kripto untuk tujuan pembayaran dan penggodaman serta rampasan elektronik. Kaedah-kaedah penjenayah ini terbukti berkesan apabila pihak berkuasa gagal mengekang aktiviti-aktiviti jenayah secara global.

Laporan Jenayah Global Interpol 2022 membincangkan corak jenayah global di mana laporan tersebut menyatakan bahawa corak jenayah global tertumpu pada lima segmen: aktiviti kongsi gelap, aktiviti penyeludupan, jenayah kewangan dan rasuah, jenayah siber dan keganasan (terrorism). Pandemik COVID-19 yang melanda dunia telah mempercepatkan perkembangan teknologi dan pendigitalan; dan perkembangan ini telah memberi ruang kepada beberapa bentuk jenayah seperti jenayah siber, kewangan dan penyeludupan untuk lebih berleluasa. Laman web gelap yang membolehkan transaksi kewangan dilakukan tanpa melalui institusi-institusi

kewangan telah memperkasakan perdagangan dadah dan manusia di seluruh dunia. Aktiviti keganasan juga sedang meningkat, di mana ia sudah tidak lagi melibatkan serangan bersenjata, tetapi melibatkan serangan siber terhadap infrastruktur kesihatan dan tenaga; yang jauh lebih bahaya kepada masyarakat.

Corak jenayah global yang dibincangkan dalam laporan Interpol nyata menyerupai corak jenayah di kawasan Asia Pasifik, di mana aktiviti jenayah didominasi oleh perdagangan haram yang melibatkan dadah, manusia dan hidupan liar yang terancam. Ini diikuti oleh aktiviti kongsi gelap, keganasan, jenayah kewangan dan jenayah siber. Aktiviti-aktiviti jenayah tersebut mencerminkan realiti geografi rantau Asia Pasifik, yang terletak di laluan perdagangan global yang kritikal dan sukar dikawal kerana sifat maritimnya. Ini membolehkan penjenayah dan aktiviti jenayah berleluasa kerana pihak berkuasa sukar bertindak untuk menanganinya.

Interpol adalah organisasi antarabangsa yang dianggotai oleh 195 negara dan berada di kedudukan unik untuk membantu ahli-ahlinya dalam membanteras jenayah di peringkat nasional mahupun global. Penggunaan teknologi, perkongsian risikan dan komunikasi, perkongsian sumber untuk memerangi sifat antarabangsa jenayah tertentu seperti perdagangan haram dan jenayah siber; adalah antara usaha global yang memerlukan kepakaran dan sumber negara-negara anggota yang bekerjasama dengan satu sama lain.

Kadar jenayah tradisional seperti rompakan dan ragut telah menunjukkan penurunan di Malaysia. Walaubagaimanapun, penurunan ini disertai dengan kenaikan kadar jenayah lain seperti jenayah siber dan kewangan serta perdagangan haram. Negeri-negeri yang bersempadan dengan negara lain, seperti empat negeri di utara Malaysia yang bersempadan dengan Thailand serta Sabah dan Sarawak yang bersempadan dengan Indonesia dan Filipina; sedang berdepan dengan kaedah-kaedah

penyeludupan dan pemerdagangan manusia yang lebih canggih dan terancang. Manakala kadar jenayah di kawasan bandar seperti di Selangor, Johor dan Pulau Pinang melaporkan peningkatan dalam jenayah yang melibatkan penipuan digital, di mana penjenayah menggunakan kemajuan teknologi yang canggih untuk menggelapkan wang di dalam akaun bank mangsa.

Pihak berkuasa sentiasa berusaha dalam memerangi jenayah di seluruh negara dengan keupayaan tenaga manusia dan juga teknologi. Sungguhpun membuahkan hasil, tindakan dan usaha pihak berkuasa sahaja tidak memadai. Sebaliknya, jabatan-jabatan kerajaan, badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan orang awam perlu berganding bahu dalam menangani masalah jenayah di seluruh pelosok negara. Dalam merealisasikan usaha ini, MCPF bersama pihak berkuasa dan NGO-NGO lain telah menyantuni orang awam secara langsung melalui program-program kesedaran jenayah dan keselamatan komuniti di seluruh negara. Program kesedaran awam, terutamanya tentang evolusi dan bentuk-bentuk jenayah yang terkini; direka khusus untuk meningkatkan kesedaran orang awam berkaitan isu ini. Program-program ini menghimpunkan kesemua pihak yang berkepentingan di bawah satu bumbung agar setiap pihak boleh berkongsi pengalaman dan kepakaran masing-masing agar dapat membincangkan jalan penyelesaian yang bersesuaian berdasarkan sumber serta keadaan semasa. Penurunan keseluruhan gelombang jenayah di seluruh negara dan peningkatan kesedaran awam tentang jenis-jenis penipuan serta jenayah membuktikan pendekatan yang digunakan MCPF ini membuahkan hasil. Dalam masa yang sama, integrasi teknologi yang digunakan dalam pendekatan ini dijangka membolehkan orang awam di kawasan yang sukar dicapai mengambil bahagian dalam program-program ini pada masa akan datang.

Ir. Dr. Mahdi Ezwan Mahmoud



# ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN ANTIPENYELUDUPAN MIGRAN



## AKTA ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN ANTIPENYELUDUPAN MIGRAN 2007

merupakan suatu akta untuk mencegah dan memerangi perdagangan orang dan penyeludupan migran.

Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan sebuah jawatankuasa kerja bagi meneliti isu ini. Satu mesyuarat telah diadakan pada 8 Ogos 2022 bertempat di pejabat MCPF dan telah dihadiri oleh Dato' Sri Ayub Yaakob (Naib Pengerusi Kanan MCPF), SAC Baharudin Mustapa (Setiausaha Kehormat MCPF), Datuk Kamarudin Md Ali (EXCO MCPF), ahli-ahli MCPF negeri, wakil dari Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Kementerian Sumber Manusia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Malaysian National News Agency (BERNAMA).

Antara intipati perbincangan termasuklah peranan serta tanggungjawab yang harus dimainkan oleh Jawatankuasa ATIPSOM MCPF. Hal ini kerana Malaysia berada di tahap tiga (Tier 3) dalam Laporan Tahunan Jabatan Negara Amerika Syarikat (AS) mengenai isu pemerdagangan orang (US Tip Report 2022). Tindakan proaktif perlu diambil oleh semua pihak bagi mengubah kedudukan Malaysia dari Tier 3 ke Tier 2.

Di samping itu, masyarakat harus diberi pendedahan secara berterusan selain menyokong inisiatif-inisiatif MAPO dalam membanteras jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran secara kolektif di peringkat domestik dan juga antarabangsa. MCPF berperanan menjadi

penghubung di antara KDN melalui MAPO dengan komuniti dalam memberi maklumat serta maklum balas berkaitan ATIPSOM yang boleh membantu MAPO dalam mencapai objektif yang ditetapkan. MCPF juga merancang untuk melaksanakan kajian bagi membantu MAPO dalam menambahbaik dasar dan inisiatif berkaitan ATIPSOM.

MCPF melalui Jawatankuasa ATIPSOM MCPF sentiasa komited dalam memberi kesedaran dalam membanteras jenayah pemerdagangan orang dan menyeru semua pihak memainkan peranan yang lebih signifikan serta tuntas dalam menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa.





## PUBLIC SPEAKING COMPETITION - CRIME AWARENESS AND INTEGRITY: TOWARDS A JUST SOCIETY

**6 Ogos 2022** - Bertempat di Mercure Shaw Parade Hotel, Kuala Lumpur telah berlangsung satu pertandingan *Public Speaking* peringkat institusi pengajian tinggi awam dan swasta, anjuran Jawatankuasa Kelab Pencegahan Jenayah MCPF. Pertandingan ini bertujuan untuk mencungkil bakat dan kemahiran berucap dalam kalangan para graduan semasa menyampaikan idea serta keupayaan meluahkan pandangan yang bernas dengan penuh yakin dan berkarisma. Di samping itu, program ini bertujuan untuk memupuk kesedaran terhadap pencegahan jenayah di usia muda serta kepentingan pencegahan jenayah dalam kalangan masyarakat terutamanya remaja. Juri bagi pertandingan ini terdiri daripada Dato' Mohd Nadzri Zainal Abidin (Ketua Hakim), Encik Srinivas KM (Hakim) dan Puan Poon Foong Lin (Hakim).



## PROGRAM REMAJA BERSATU MEMERANGI JENAYAH

**11 Ogos 2022** - Program Remaja Bersatu Memerangi Jenayah telah diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Haji Hussein, Selama, Perak dan dihadiri oleh seramai 300 orang pelajar sekolah menengah sekitar Selama. Selain daripada ceramah dan forum pencegahan jenayah, turut diadakan sesi penyerahan topi keledar dan jaket keselamatan kepada pelajar-pelajar yang terpilih, pertunjukan daripada Unit Anjing Pengesanan (Unit K9) PDRM serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Program ini telah dirasmikan oleh Datuk Kamarudin Md. Ali, Pengerusi Jawatankuasa Kelab Pencegahan Jenayah MCPF.



## LISA AND HER SECRET

**2 September 2022** - MCPF bekerjasama dengan Women's Centre For Change (WCC) dalam menjayakan sesi penyerahan buku "Lisa and Her Secret" kepada pelajar-pelajar perempuan sekolah menengah di sekitar Pulau Pinang. Tujuan penyerahan buku ini adalah bagi memberi kesedaran kepada para pelajar mengenai batas-batas pergaulan serta sentuhan yang dibenarkan dan tidak dibenarkan. Majlis dihadiri oleh Dato' Seri Ayub Yaakob (Naib Pengerusi Kanan MCPF), Dr. Isdawati Ismail (Naib Pengerusi MCPF) serta YB Phee Boon Poh (EXCO Kebajikan dan Alam Sekitar Pulau Pinang).





**KEMPEN MEMBANTERAS JENAYAH SEKSUAL DALAM TALIAN TERHADAP KANAK-KANAK**

16 September 2022 - Kempen Membanteras Jenayah Seksual Dalam Talian Terhadap Kanak-kanak telah diadakan di Sekolah Kebangsaan Haji Ismail, Kuala Kedah. Kempen ini adalah anjuran MCPF Kedah bersama Jaringan Prihatin Kanak-kanak dan Unit Kanak-kanak, Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Kota Setar. Program ini dihadiri oleh seramai 60 orang peserta yang melibatkan pelajar sekolah dan penghuni Pusat Jagaan Rumah Superkids. Antara aktiviti yang dijalankan adalah Pertandingan Mewarna Lukisan Logo Kempen (Kaktus) dan ceramah Membanteras Jenayah Seksual Dalam Talian Terhadap Kanak-Kanak - Tips Menjauhi Golongan Paedofilia.



**KEMPEN CEGAH JENAYAH DAN WALKABOUT SEMPENA PERAYAAN HARI DEEPAVALI 2022**

20 Oktober 2022 - Bertempat di Padang Nyiru, Melaka telah diadakan Program Kempen Cegah Jenayah dan Walkabout Sempena Perayaan Hari Deepavali yang dirasmikan oleh YDH DCP Dato' Zainol Hj. Samah, Ketua Polis Melaka.

Program ini bertujuan memberi fokus dan penekanan dari segi aspek keselamatan rumah serta harta benda yang ditinggalkan sepanjang musim perayaan. Meskipun pihak berkuasa memainkan peranan penting dalam menjaga keselamatan komuniti, masyarakat juga harus memainkan peranan dalam memastikan keselamatan komuniti setempat.

Pengisian program termasuklah penyerahan borang maklumbalas pergerakan balik kampung kepada pemimpin masyarakat dan penyampaian sumbangan bahan mentah kepada 50 orang penduduk sekitar.



**PROGRAM SOKONGAN SOSIAL DALAM KOMUNITI : BENGKEL PENGEKALAN KES DOMESTIK DALAM KOMUNITI**

12 November 2022 - MCPF melalui Prof Madya Dr. Geshina Ayu Mat Saat telah menyampaikan ceramah bertajuk Pengendalian Keganasan Domestik Dalam Komuniti. Objektif program ini adalah untuk memberikan panduan kepada pemimpin-pemimpin wanita mengenai kaedah pengurusan kes keganasan terhadap wanita. Seramai 50 orang pemimpin masyarakat telah mengikuti program ini. Program ini juga sebagai platform untuk mengeratkan hubungan di antara pemimpin masyarakat, NGO dan pihak kementerian.







## KEMPEN PENCEGAHAN JENAYAH KOMERSIL (AWIE RIDE) 2022 ANJURAN JABATAN SIASATAN JENAYAH KOMERSIL, PDRM

MCPF bekerjasama dengan Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) dalam menjayakan **Kempen Pencegahan Jenayah Komersil (Awie Ride) 2022**.

Tujuan kempen ini adalah bagi meningkatkan kesedaran kepada orang ramai mengenai jenayah komersil terutamanya melibatkan penipuan jenayah dalam talian yang menunjukkan peningkatan kes pada tahap yang membimbangkan dan seterusnya mengelakkan orang ramai dari terus menjadi mangsa kepada jenayah tersebut. Kempen Pencegahan Jenayah Komersil (Awie Ride) 2022 adalah konvoi motosikal berkuasa tinggi di mana konvoi ini bergerak dari utara ke selatan tanah air serta pantai timur dan berhenti di lokasi-lokasi terpilih untuk memberi pendedahan mengenai jenayah scam.



Sehubungan dengan itu, bagi menghargai usaha Kempen Pencegahan Jenayah Komersil (Awie Ride) 2022, satu majlis penghargaan telah diadakan di Dewan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK), Menara KPJ, Kuala Lumpur. Majlis dihadiri oleh Naib Pengerusi MCPF, Dr. Isdawati Ismail.

## PROGRAM KOMUNITI BEBAS JENAYAH DAN DADAH BERSAMA MENTERI DALAM NEGERI

**12 - 13 Ogos 2022** - MCPF bersama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah menganjurkan Program Komuniti Bebas Jenayah dan Dadah Bersama Menteri Dalam Negeri yang dirasmikan oleh YB Menteri Dalam Negeri merangkap Pengerusi MCPF, Dato' Seri Hamzah Zainudin di FELDA Ijok, Selama, Perak.

Program yang diadakan selama dua hari telah disulami dengan beberapa aktiviti seperti forum, sesi menyantuni warga FELDA Ijok, gotong royong bersama anak-anak angkat, ceramah perdana serta sukan rakyat.

Pada masa sama, Dato' Seri Hamzah turut menyertai aktiviti sukan rakyat bersama masyarakat yang dianjurkan sepanjang program tersebut.

Pelbagai perkhidmatan oleh agensi-agensi kerajaan turut disediakan seperti Perkhidmatan Bergerak Rawatan dan Pemulihan (MRT AADK), Bas Bergerak Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Bas Pameran AADK dan Kaunter Pendaftaran Sahabat KDN.



Turut sama hadir Naib Pengerusi Kanan MCPF, Dato' Sri Ayub Yaakub; Naib Pengerusi MCPF, Dato' Sri Johny Ch'ng Ewe Gee; Pengerusi MCPF Negeri Perak, Toh Muda Orang Kaya-Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa Diraja Dato' Ab. Wahab Dato' Seri Azizul Hassan; ahli-ahli Exco serta ahli-ahli MCPF.

*"Semua ahli komuniti perlu peka dan prihatin untuk memastikan ahli keluarga dan jiran tetangga tidak terjebak dalam permasalahan dadah dan sosial"*  
- Dato' Seri Hamzah Zainudin, Menteri Dalam Negeri.



## PROGRAM OUTREACH BERSAMA MASYARAKAT DAERAH SELAMA, PERAK

**12 Ogos 2022** - 27 buah keluarga di FELDA Ijok, Selama, Perak telah dikunjungi dalam sesi outreach bersama masyarakat ini. Kampung yang terlibat adalah Kampung Sungai Dendang, Kampung Sungai Lempong, Kampung Sungai Segar, Kampung Bagan Baharu dan FELDA Ijok. Selain itu, melalui program tersebut anak-anak angkat yang terdiri daripada pelajar-pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), GiatMARA serta SAITO University College telah didedahkan kepada budaya kehidupan di kampung sekaligus menyampaikan maklumat berkaitan pencegahan dadah dan jenayah. Pada masa sama, MCPF turut menyampaikan sumbangan wang tunai kepada keluarga-keluarga yang dikunjungi.





## MCPF TERENGGANU TINGKATKAN KESEDARAN JENYAH SCAMMER

**13 Oktober 2022** - MCPF Terengganu dengan kerjasama Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan PDRM telah mengadakan program Town Hall Discussion: Scammer Semakin Bijak bertempat di Dewan Sultan Mizan, UMT. Turut diadakan sesi penyerahan sijil lantikan kepada seramai 14 ahli Jawatankuasa Perhubungan Negeri MCPF Terengganu yang telah disempurnakan oleh Pengarah Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti Bukit Aman, Komisioner Polis, YDH Dato' Aidi Ismail yang mewakili Ketua Polis Negara, YDH Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani.

Seramai kira-kira 3,000 orang peserta yang terdiri daripada mahasiswa, anggota perkhidmatan awam, belia dan orang awam turut hadir ke program ini. Kemuncak program adalah sesi forum yang membariskan panel jemputan rakan strategik MCPF yang terdiri daripada wakil Bank Negara Malaysia (BNM) Terengganu, Persatuan Pengguna Siber Malaysia serta Bahagian Siasatan Jenayah Siber & Multimedia Bukit Aman, PDRM.



## PELANCARAN POSTER SCAM DI KOMPLEKS BUKIT JAMBUL

**3 September 2022** - Program anjuran MCPF Pulau Pinang dengan kerjasama PDRM dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang ancaman Scam yang semakin meningkat dan memberi kesan kepada orang ramai dari semua lapisan masyarakat. Dato' Ong Poh Eng, Pengerusi MCPF Pulau Pinang menyampaikan ucapan alu-aluan sekaligus merasmikan majlis pelancaran tersebut. Beliau mengingatkan orang ramai agar sentiasa berwaspada terhadap jenayah scam. Dato' Haji Abdul Halim Haji Hussein menyampaikan ucapatama bagi pihak YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang. Beliau menekankan bahawa dengan perubahan teknologi, dunia yang dipacu oleh internet, media sosial dan kegawatan global yang berterusan, isu jenayah Scam semakin berleluasa. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Dato' Sri Ayub Yaakob, Naib Pengerusi Kanan MCPF dan Dr. Isdawati Ismail, Naib Pengerusi MCPF.







## SEMINAR PENCEGAHAN JENAYAH RASUAH TAHUN 2022: TINGKATKAN INTEGRITI, PERANGI RASUAH

**20 Oktober 2022** - MCPF Kelantan telah menganjurkan Seminar Pencegahan Jenayah Rasuah Tahun 2022: Tingkatkan Integriti, Perangi Rasuah dengan kerjasama PDRM, SPRM, AADK, Jabatan Mufti Negeri Kelantan dan lain-lain agensi. Seminar telah dirasmikan oleh Dato' Sri Ayub Yaakob, Naib Pengerusi Kanan MCPF. Seramai 350 orang peserta telah hadir bagi menjayakan program yang berlangsung di Dewan Utama PCB Resort Kota Bharu ini.

## PROGRAM KITA DEMI NEGARA - ZON SABAH

**1 & 2 Oktober 2022** - Program Kita Demi Negara yang bertempat di Dataran Kompleks Sukan Likas, Kota Kinabalu, Sabah ini telah dirasmikan oleh Ketua Menteri Sabah, YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Haji Noor. Program ini bermatlamat untuk melahirkan semangat cintakan negara, meningkatkan kesedaran rakyat tentang keselamatan dan ketenteraman awam, membina perpaduan dan keharmonian rakyat, serta mendidik rakyat untuk bersama-sama kerajaan dalam menjaga keselamatan dan ketenteraman awam. Pelbagai aktiviti dan program diadakan termasuklah diskaun saman oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), perkhidmatan 'Mobile' Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Program Jualan Murah #KeluargaMalaysia. Orang ramai yang hadir turut berpeluang



mendaftar sebagai ahli Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Sahabat Kita Demi Negara. Hadir sama YDH IG Tan Sri Acryl Sani Haji Abdullah Sani, Ketua Polis Negara; Dato' Sri Ayub Yaakob, Naib Pengerusi Kanan MCPF; Dato' Sri Johny Ch'ng Ewe Gee, Naib Pengerusi MCPF; serta ahli-ahli MCPF Negeri Sabah.

*"Program Kita Demi Negara ini merupakan platform untuk KDN membawa aspirasi Kementerian kepada semua segmen rakyat Malaysia di seluruh negara"*  
- Dato' Seri Hamzah Zainudin, Menteri Dalam Negeri

## WACANA SERANTAU: RUKUN NEGARA DAN PANCASILA

**28 Ogos 2022** - Program Wacana Serantau: Rukun Negara dan Pancasila telah berlangsung di Dewan Organza, Hotel Zenith, Kuantan, Pahang. Pelbagai perkongsian telah disampaikan oleh Prof. Ulung Dato' Dr. Shamsul Amri Baharuddin (UKM), Prof. Dr. Sivamurugan Pandian (USM) dan Dr. Heri Santoso di dalam program anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP) ini. Turut hadir pada program tersebut ialah Dr. Isdawati Ismail, Naib Pengerusi MCPF; Datuk Kamarudin Md Ali, EXCO MCPF; Tuan Chan Kuang Yu, EXCO MCPF; Dato' Sri Chong Chin Fung, EXCO MCPF; Dato' Kennard Ch'ng Ewe Kok, EXCO MCPF serta ahli-ahli MCPF Negeri Pahang.



## ROUND TABLE DISCUSSION: KAJIAN INDEKS PERSEPSI KESELAMATAN MALAYSIA 2022

**3 November 2022** - Sesi Round Table Discussion: Kajian Indeks Persepsi Keselamatan Malaysia 2022 anjuran Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSOM) telah diadakan di Dewan Gemilang, Kementerian Dalam Negeri (KDN) Putrajaya bagi mengukur persepsi masyarakat Malaysia terhadap tahap

keselamatan dan ketenteraman awam. Dr. Isdawati Ismail, Naib Pengerusi MCPF hadir bagi membincangkan isu-isu berkaitan Indeks Persepsi Keselamatan Negara bersama wakil-wakil agensi bukan kerajaan yang lain.





## PROGRAM JELAJAH KASIH KELUARGA MALAYSIA SEMPENA NOVEMBER BULAN KELUARGA MALAYSIA 2022

**24 November 2022** - MCPF bersama Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah melaksanakan Program Jelajah Kasih Keluarga Sempena November Bulan Keluarga Malaysia 2022 di Dewan Jabatan Bomba dan Penyelamat, Suka Menanti, Alor Setar, Kedah.

Objektif program ini adalah untuk mengeratkan keharmonian masyarakat majmuk dan memupuk semangat perpaduan serta nilai-nilai murni individu dalam mencegah jenayah di kalangan komuniti setempat.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah senamrobik, taklimat pencegahan jenayah, interaktif remaja, kiosk serambi kasih, penajaan kewangan berhempah dan perkhidmatan pusat keluarga bergerak. Para jemputan terdiri daripada Pengarah Bahagian Kesejahteraan Keluarga mewakili Pengarah LPPKN Malaysia, Encik Fauwaz Hasbullah; Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Kedah, Puan Maizatul Mazni Zainun; Ketua Penolong Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah, Encik Mohd Faizal Abu Bakar; Pengarah LPPKN Negeri Kedah, Encik Chai Cheng Ho; serta Pengerusi Jawatankuasa Tetap Belia, Wanita dan Kanak-Kanak, Puan Wan Su Hj Haron.



## PROGRAM LAWATAN BALAI POLIS CEMERLANG MCPF 2022

Program dwi-tahunan ini telah mula dianjurkan buat julung kalinya pada tahun 2006. Objektif utama program ini adalah untuk mengeratkan hubungan di antara PDRM dengan masyarakat setempat, meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pencegahan jenayah, menilai keberkesanan perkhidmatan di balai polis serta meningkatkan integriti di kalangan anggota polis. Balai-balai polis dari setiap kontinjen yang telah disenaraipendekkan oleh pihak PDRM dibahagikan kepada 4 kategori iaitu:


- Kategori balai polis di Ibupejabat Polis Daerah
- Kategori balai polis di kawasan bandar/urban
- Kategori balai polis di kawasan pinggir bandar/sub-urban
- Kategori balai polis di kawasan luar bandar/rural

Pasukan Pelawat Peringkat Pusat (PPPP) yang terdiri daripada wakil EXCO MCPF Pusat dan pegawai Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Putrajaya telah mengadakan lawatan ke 55 buah balai polis yang telah disenaraipendekkan bagi melaksanakan penilaian bersama masyarakat setempat.





**SESI TEMUBUAL BERSAMA YABHG. TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD**



2 Disember 2022 - Satu sesi temubual telah diadakan bersama YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad, selaku Penaung MCPF yang pertama, untuk dimuatkan di dalam penerbitan Coffee Table Book MCPF yang dijangka akan dilancarkan pada bulan Mac 2023. Temubual dihadiri oleh Naib Pengerusi MCPF, Dr. Isdawati Ismail, Ketua Penerbitan Coffee Table Book, Datin Rosliza Rosli, serta sekretariat MCPF.



**SESI TEMUBUAL BERSAMA YBHG. TAN SRI DATO' SERI DR. SYED HAMID SYED JAAFAR ALBAR**

10 September 2022 - Sesi temubual telah diadakan bersama YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Syed Hamid Syed Jaafar Albar, selaku Pengerusi MCPF yang pertama. Temubual diadakan di kediaman YBhg. Tan Sri di Bukit Damansara, Kuala Lumpur. Tan Sri yang ditemani isteri, Puan Sri Datin Seri Sharifah Aziah Syed Zainal Abidin telah berkongsi tentang perjalanan MCPF sejak dari awal penubuhan serta perjalanan karier beliau.





**SESI TEMUBUAL BERSAMA YBHG. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA DR LEE LAM THYE**

20 Disember 2022 - Jawatankuasa Penerbitan MCPF telah menemubual Naib Pengerusi Kanan Pertama MCPF, YBhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Dr. Lee Lam Thye, bertempat di ibu pejabat MCPF, Kuala Lumpur. Tan Sri Lee menceritakan pengalamannya bersama MCPF selama 27 tahun, berbakti kepada rakyat dan PDRM. Beliau telah diiktiraf sebagai "Honorary Life Member MCPF" pada Disember 2019.



**SESI TEMUBUAL BERSAMA YBHG. DATUK KAMARUDIN MD ALI**

10 September 2022 - Bertempat di Damansara Height, satu sesi temubual bersama salah seorang perintis MCPF, YBhg. Datuk Kamarudin Md Ali telah diadakan. Temubual berkisar mengenai perjalanan MCPF sejak dari awal penubuhan hingga kini. Beliau juga berkongsi gambar serta kenangan kerjaya beliau semasa masih berkhidmat bersama PDRM.





# CAPTAIN SUFEE'S JOURNEY AT SEA: HOW THE PIRATES DANCED ON THE WAVES FATALLY

## PRELUDE:

As I was walking out from my cabin on the officer's floor to the lift, a quartermaster (QM) on duty passed by and I asked: was it already six bells? QM R. Ali (RA) said 'yes sir'.

Thank you and maintain alert, I told QM RA. Just one floor down, I entered the brightly lit officer's mess. It was the 'sahur' time of the holy month of Ramadan, and my 1983 Seiko analogue chronograph showed the time as 0309 hrs. I will assume my forenoon watch as officer of the watch (O O w) on the bridge at 0800 hrs. I sat at my designated table for sahur and started to eat the pre-arranged foods by the stewards earlier on. I was alone. The satellite tv was on a distant nation transmission.

From my seat, the port holes offered an excellent view of the starboard sea. I saw faint lights drawing closer to the modern CPC (clean product carrier). As I ate heartily, I did not suspect anything amiss, being the youngest officer onboard the CPC. I drank my orange juice, and I looked at my Seiko watch which showed 0320 hrs LMT.

## INTERLUDE:

A rather cold sharp object was felt on my neck. "Be quiet", I heard a murky voice. In less than five seconds, another sturdily built man wearing a black full mask, saved for his eyes, was in front of me. I was seated and he was pointing a gun somewhat at my eye's level, with the sharp object still at my neck, held by another person apparently.

I knew I was in a very tight and threatening situation. "Where is the captain's cabin and don't speak", they spoke in badly uttered English. I pointed up, showed him two fingers. He nodded to some persons behind me. They were pirates and understood that the master's cabin was two floors up. He asked his fellow pirates some ropes, speaking in a language I understood. The rafia ropes were tied to my hands twisted backwards on the chair's back support. Another pirate tied both my legs. I saw these villains were wearing boots, short

haired, well built, and spoke very little among themselves. The guy behind me removed the Seiko analogue chronograph from my wrist and cut the intercom wire in just one slice. "How very sharp", I thought. "Sorry for the wristwatch", the pirate said.

Multiple gunshots were heard on levels above me. In ten minutes after removing my watch, the pirates were heard running towards the sea tight doors located on the port and starboard sides of the ship. The bridge had sounded the red alert alarm. As the pirates ran, they shot all lights on the alleyways, including the ceiling lights of the officer's mess. Everything was in pitch black. About five minutes later, I saw a flash light shone upon me, tied to the dining chair and lying on the floor. The emergency lights were turned on. 'Are you ok' sir, asked QM RA. Thank God I am, I told him, much relieved.

"All hands muster immediately on officer's floor". It was repeated thrice over the P.A.

Capt. E.G.S. (an Englishman) was checking all sixty complements (officers, engineers, crews of the CPC). Some were injured but none were dead. The chief engineer's finger was bleeding profusely, his expensive diamond wedding ring was snatched. Some officers lost money in foreign currency. The duty officer announced that most officers and engineers lost valuables of gold, jewellery and foreign currency. An engineer lost his engineering degree. No stabbings were discovered. None of the crews lost anything.

The CPC continued to sail throughout the ordeal. It now entered the TSS (traffic separation scheme) of the second busiest channel in the world. Two coast guard vessels were by our stern. Later, in the officer's mess, QM RA, after being substituted by another QM on the bridge, narrated to me his sightings and actions. Upon seeing two abseiling ropes attached to the stern of the CPC, he immediately alerted the O O w via his walkie talkie. He then heard gun shots, and despite all dangers, he bravely took out the emergency axe from the glass cabinet. By the time he reached the ship's end of the pirates

abseiling ropes (the other ends were secured to their boat). The red alert alarm was blasting loud throughout the ship, and two coast guard vessels of the RMCC said to be about nearby, distance unknown from the ship were approaching fast. QM RA then swung all his might to the ropes, cutting off completely one. At that time, a pirate was abseiling, and dropped straight into the sea, crashing his head onto the boat's bow.

## POSTLUDE:

I was on the bridge, as forenoon O O w Capt. E.G.S. tapped my shoulder and he said in thick English accent: young man, more will come, be wary and spirited as a true sea blues, for I had seen it most, bad or worse, if not all". read this, he gave a text message which said: the management is grateful that no fatality happened. It was reported one pirate was found dead floating.

Capt. Haji Mohamed Sufee  
Haji Ahmad Al Qasasy

